

Pas syor UMNO bawa Amanat Hadi dalam pertemuan

UM 3 APR, 2004
Oleh ZULKIFLI ABDULLAH

PORT DICKSON 1 April
→ UMNO boleh membawa isu mengenai Amanat Hadi dalam pertemuan penyatuan Melayu dengan Pas, kata Datuk Fadzil Noor.

Presiden Pas itu berkata, pihaknya bersikap terbuka jika UMNO mahu membincangkan perkara yang dikatakan menjadi punca kejadian mengka-firkan ahli UMNO oleh para penyokong Pas sejak 20 tahun lalu.

"Pas tidak bawa (Amanat Hadi) dan kalau UMNO nak bawa dalam muzakarah, terpulanglah kepada dia.

"Kalau dia (UMNO) bawa, dia bagi peluang kepada kita untuk terangkan kepadanya, mari kita bincang dan tunjukkan mana salahnya amanat itu secara terbuka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pas Negeri Sembilan, di Kelab Golf dan Country Port Dickson, di sini hari ini.

Jelasnya, beliau masih tetap dengan pendiriannya bahawa Amanat Hadi itu tidak bertentangan de-

ngan Islam seperti yang didakwa oleh UMNO.

Sebelum ini, Fadzil mencabar UMNO supaya membuktikan aspek mana kandungan yang diucapkan oleh Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang itu dikatakan bercanggah dengan Islam.

Ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai usaha kerajaan untuk mengkaji Amanat Hadi yang menjadi punca kekeliruan dan perpecahan di kalangan umat Islam dari sudut undang-undang, beliau secara sinis berkata: "Mengapa sekarang baru nak kaji mengapa tidak 20 tahun lalu."

Beliau juga menafikan dakwaan bahawa Pas sengaja melengah-lengahkan pertemuan penyatuan antara Pas dan UMNO, malah katanya, Jawatankuasa Teknikal Pas sudah bersetuju mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Teknikal UMNO pada hari esok atau lusa.

"Jawatankuasa Teknikal Pas sudah memaklumkan dengan UMNO mengenai pertemuan ini pada 2 atau 3 April. Kini

terpulanglah kepada UMNO, kalau tidak boleh UMNO boleh cadang tarikh lain," ujarnya.

Menurut Fadzil, Pas akan dianggotai oleh enam anggota Jawatankuasa Teknikal dalam pertemuan itu nanti yang diketuai oleh Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa.

Jawatankuasa Teknikal antara kedua-dua pihak terbabit yang dijadualkan berlangsung pada 26 Mac lalu terpaksa dibatalkan pada saat-saat akhir berikutan salah seorang ahli jawatankuasa teknikal Pas tidak hadir.

Beliau percaya, pertemuan penyatuan Melayu antara Pas dan UMNO tidak akan menghadapi apa-apa masalah jika UMNO menerima dua syarat yang ditetapkan oleh partinya.

Dua syarat itu ialah permintaan mahu penerbitan *Harakah* dikembalikan dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, dipulangkan.